



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 61  
No. 16

**31hb Julai 2008**

*TAMBAHAN No. 2  
ENAKMEN*

---

Enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu dan dipersetujui oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, adalah diterbitkan menurut Fasal (3) Perkara 36 Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama):

اینیکمین يع برایکوہ يع تله دلولوسکن اویه دیوان اونداغن نکری  
ترغّکانو دان دفترستوجوئی اویه دولی يع مها مولیا سلطان، اداله دتربیتکن  
منوروت فصل (3) فرکارا 36 اوندغ ۲ باکی دیری کراجأن ترغّکانو  
(باب يع فرتاما):

The following Enactment passed by the State Legislative Assembly of Terengganu and assented to by His Royal Highness the Sultan, is published pursuant to Clause (3) of Article XXXVI of the Laws of the Constitution of Terengganu (First Part):

No.	Tajuk Ringkas
Enakmen A5	Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) (Pindaan) 2008

اینیکمین قتدیرن حال احوال اکام اسلام (ترغّکانو)  
(قیندان) 2008

Administration of Islamic Religious Affairs (Terengganu) (Amendment) Enactment 2008



# **UNDANG-UNDANG NEGERI TERENGGANU**

**Enakmen A5**

**ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL  
AGAMA ISLAM (TERENGGANU)  
(PINDAAN) 2008**

Tarikh Persetujuan Diraja        ...        ...        27 Julai 2008

Tarikh diterbitkan dalam *Warta*        ...        ...        31 Julai 2008

# **UNDANG-UNDANG NEGERI TERENGGANU**

**3**

## **Enakmen A5**


**DIPERSETUJUI OLEH  
MAJLIS PENASIHAT PEMANGKU RAJA**

**PADA 27 JULAI 2008,**

**1. ....**

**YANG TERAMAT MULIA  
TENGKU SRI PANGLIMA RAJA, DK., SSMT.  
(TENGKU BADERULZAMAN IBNI ALMARHUM SULTAN  
MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH)  
*Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja***

**2. ....**



**YANG AMAT MULIA  
TENGKU SRI LAKSAMANA RAJA, DK., SPMT.  
(TENGKU SULAIMAN IBNI ALMARHUM SULTAN  
ISMAIL NASIRUDDIN SHAH)  
*Ahli Majlis Penasihat Pemangku Raja***

**3. ....**

**YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATO' ABDUL KADIR BIN SULAIMAN,  
SPMT., PGDK., DMPN., PJK.  
*Ahli Majlis Penasihat Pemangku Raja***

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001.

[ ]

**DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** ini oleh Kuasa Undangan Negeri Terengganu Darul Iman seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) (Pindaan) 2008.

(2) Enakmen ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan seksyen 8**

**2.** Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) [En. Tr. 2/2001], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini, adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 8 dengan seksyen yang berikut:

**“Keanggotaan Majlis**

8. (1) Majlis hendaklah terdiri daripada anggota-anggota yang berikut—

- (a) seorang Yang Dipertua;
- (b) seorang Timbalan Yang Dipertua;
- (c) mufti; dan
- (d) tidak lebih dari empat belas anggota lain.

(2) Semua anggota Majlis hendaklah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan mengikut budi bicaranya.

(3) Semua anggota Majlis hendaklah memegang jawatan di atas budi bicara Duli Yang Maha Mulia Sultan dan setiap pelantikan di bawah subseksyen (2) hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat bagi tempoh tiga tahun daripada tarikh pelantikan, melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam tauliah pelantikan.

(4) Seseorang anggota Majlis yang dilantik di bawah subseksyen (2) yang tempoh jawatannya telah tamat boleh dilantik semula.”.

### **Pindaan seksyen 11**

3. Seksyen 11 Enakmen ibu dipinda—

(a) dengan menomborkan semula seksyen 11 sebagai subseksyen 11(1);

(b) dengan memotong perkataan-perkataan “, atas nasihat Menteri Besar” dalam subseksyen 11(1); dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen 11(1) subseksyen baru (2) yang berikut:

“(2) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1), Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, atas budi bicaranya, membatalkan pelantikan mana-mana anggota Majlis.”

**Pindaan seksyen 13**

**4.** Seksyen 13 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dengan memotong subseksyen (1);
- (b) dengan memotong perkataan-perkataan “atau (2)” dalam subseksyen (3); dan
- (c) dengan menomborkan semula seksyen 13(2) dan 13(3) masing-masingnya sebagai subseksyen 13(1) dan 13(2).

Diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada 8 Mei 2008  
[MB.Tr. (S) 6/60 Bhg. 12; PUN. Tr. 15/III]

A. RAHIM BIN JUSOH  
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri  
Terengganu*